

## **Penyalahgunaan Ketum dalam Kalangan Belia di Kedah dan Perlis**

*Samihah Khalil@Halim, Rusniah Ahmad & Siti Alida John Abdullah  
Universiti Utara Malaysia*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan penggunaan ketum dalam kalangan belia di kawasan Kedah dan Perlis. Penggunaan ketum dikatakan boleh menyebabkan simpton ketagihan, dan golongan belia pula merupakan golongan yang paling ramai terjebak dengan isu penyalahgunaan bahan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan bentuk penyalahgunaan ketum ini. Satu survei dilakukan terhadap 223 orang belia di sekitar negeri Kedah dan Perlis, dan seterusnya beberapa penagih ketum tegar di temubual bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkenaan dengan sebab penyalahgunaan dilakukan. Teori Pembelajaran Sosial (*social learning theory*) digunakan sebagai kerangka untuk memahami tindakan penyalahgunaan serta ketagihan ketum ini dari sudut pengaruh sosial. Hasil kajian mendapati bahawa belia yang berusia dalam lingkungan 12 sehingga 29 tahun merupakan golongan yang sering mencampurkan air ketum dengan bahan lain dan perkara ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap dan disebabkan oleh pengaruh rakan.

**Kata Kunci:** Ketum, Belia, Penyalahgunaan, Ketagihan.